


PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

1 - 15 MEI, 2026

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# LRT Laluan Mutiara simbol komitmen bersama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**




**KETUA Menteri bersama-sama Anthony Loke Siew Fook (kanan) merakam kenangan di dalam replika LRT Laluan Mutiara pada Majlis Simbolik Penyerahan Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunaikan komitmen dengan menyerahkan sebahagian tanah Tapak Pesta Sungai Nibong kepada Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) bagi merealisasikan pembangunan Hab Pengangkutan Bersepadu yang merangkumi pembinaan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) serta depot.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri komited menyerahkan tanah secara berperingkat melibatkan Fasa Civil Main Contract 1 (CMC1) seluas 2.9 ekar, diikuti CMC3 kira-kira tujuh ekar, selaras dengan keperluan pelaksanaan projek LRT Laluan Mutiara.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa sebanyak 9.9 ekar daripada keseluruhan 20.1 ekar tanah Tapak Pesta Sungai Nibong diserahkan serta-merta kepada agensi Persekutuan tersebut bermula 10 April 2026.

"Kita melakar satu lagi pencapaian signifikan melalui Majlis Simbolik Penyerahan Tapak Pesta Sungai Nibong kepada *Malaysia Rapid Transit Corporation* (MRT Corp.).

"Tapak ini dikenal pasti sebagai lokasi strategik bagi pelaksanaan LRT Laluan Mutiara, sebuah projek pemangkin yang bakal mentransformasikan landskap mobiliti negeri serta meningkatkan ketersambungan secara menyeluruh," katanya.

Di samping itu, Kon Yeow memberitahu bahawa projek LRT Laluan Mutiara yang dianggarkan bernilai antara RM16 bilion hingga RM17 bilion itu merupakan komponen penting dalam merealisasikan Visi Penang2030 ke arah pembangunan mampan, inklusif dan berdaya tahan.

"Pelaksanaannya dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan mobiliti rakyat serta merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan berorientasikan transit (TOD)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Berucap sebelum itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, pelaksanaan projek tersebut melambangkan komitmen erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat menerusi sistem pengangkutan awam moden di Pulau Pinang.

Beliau turut mengakui nilai sentimental Tapak Pesta Sungai Nibong kepada masyarakat setempat, khususnya melalui penganjuran Pesta Pulau Pinang sejak tahun 1966.

Sehubungan itu, katanya, MRT Corp. telah meneliti semula reka bentuk depot bagi mengurangkan keperluan tanah kepada kira-kira 11.5 ekar, sekali gus memastikan hanya sebahagian kawasan digunakan untuk tujuan operasi.

"Baki kawasan akan terus dimanfaatkan untuk kegunaan komuniti, termasuk perancangan menaik taraf tapak pesta serta pembangunan berorientasikan transit yang menyokong aktiviti perniagaan tempatan dan kegunaan harian masyarakat," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Seremban, Negeri Sembilan.

*(Sambungan di muka 2).*

# Perkasa keselamatan komuniti PBS terima dana sokongan

Gambar : **SIEW CHIA EN**



KETUA Menteri turut meluangkan masa beramah mesra dengan anggota PBS pada Majlis Penutupan Konvensyen PBS Peringkat Negeri di sini baru-baru ini. Turut mengiringi, Jason H'ng Mooi Lye (lapan dari kiri) serta tetamu kehormat lain.

**BUKIT TAMBUN –** Kerajaan Negeri menzahirkan penghargaan buat 'wira tidak didendang' dengan mengumumkan peruntukan dana sokongan berjumlah RM10,000 kepada setiap 36 Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di seluruh negeri.

Pengumuman itu dibuat oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen PBS serta Kempen Keselamatan dan Kesedaran Awam peringkat negeri yang berlangsung di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan pada 4 April 2026.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan PBS merupakan entiti yang tidak boleh dipisahkan dalam usaha memastikan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara.

"Walaupun struktur organisasi mungkin berbeza, misi dan nilai yang dibawa adalah serupa, iaitu melindungi nyawa serta harta benda.

"Apabila kepakaran profesional JBPM digabungkan dengan kekuatan akar umbi PBS, kita membina benteng keselamatan yang lebih kukuh dan pantas," ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Menurut beliau, penglibatan PBS amat kritikal kerana kedudukan mereka yang lebih dekat dengan komuniti, sekali gus membolehkan tindakan awal diambil sebelum ketibaan pasukan bomba dari balai berhampiran.

"Suntikan dana ini diharap dapat meningkatkan kecekapan operasi serta penyelenggaraan peralatan bagi setiap pasukan yang terlibat," tambahnya.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi dan Ketua Pengarah JBPM, Y.A.S. Dato' Sri Ts. Nor Hisham Mohammad turut berucap dalam majlis tersebut.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Pembangunan infrastruktur dan bandar saling melengkapi

Tambah beliau, pendekatan pembangunan yang lebih optimum akan diterapkan, mengambil contoh model di bandar utama dunia.

"Sebagai contoh, di Hong Kong, *Cheung Kwan O Depot* diintegrasikan dengan pembangunan kediaman dan komersial sehingga membentuk kawasan bandar yang lengkap serta dinamik.

"Inilah pendekatan yang ingin kita terapkan di Pulau Pinang, memastikan pembangunan infrastruktur dan bandar saling melengkapi demi manfaat rakyat," katanya lanjut.

Pada majlis tersebut, Kon Yeow bersama-sama Siew Fook, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri M. Jana Sathiran dan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan menyaksikan gimik penyerahan tanah oleh Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Mohd. Zarif Hashim.




KETUA Menteri bersama-sama Anthony Loke Siew Fook (belakang, dua dari kiri) dan dif-dif kehormat lain menyaksikan simbolik penyerahan pada Majlis Penyerahan Tapak Pesta Sungai Nibong antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MRT Corp. di sini baru-baru ini.

# Pusat Transit Harapan

## dari perlindungan kepada pemerkasaan



LIM Siew Khim.

**PUSAT** Transit Harapan Pulau Pinang kini berperanan sebagai platform pemerkasaan golongan gelandangan, bukan lagi sekadar tempat perlindungan sementara.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, **LIM SIEW KHIM** berkata, pendekatan 'Transit Harapan' yang diperkenalkan memberi fokus kepada pemulihan menyeluruh merangkumi aspek emosi, sosial dan ekonomi.

Menurut beliau, pusat tersebut menjadi ruang penting untuk membantu penghuni membina semula kehidupan melalui pembangunan diri, latihan kemahiran serta peluang integrasi semula ke dalam masyarakat.

"Kita mahu penghuni di sini bukan sahaja mendapat tempat berteduh, tetapi turut dibimbing untuk bangkit semula dengan keyakinan diri, kemahiran dan hala tuju yang jelas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** pada 2 April lalu.

### Penghuni digalak berperanan aktif

Menurut Siew Khim, beliau sentiasa menekankan kepentingan penglibatan aktif penghuni dalam pelbagai aktiviti komuniti sebagai sebahagian daripada proses pemulihan.

Menurut beliau, pendekatan tersebut termasuk memberi peluang kepada penghuni menyertai program seperti kitar semula dan kerja sosial, sekali gus memupuk rasa tanggungjawab serta mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada bantuan.

"Kita tidak mahu mereka terus bergantung kepada bantuan semata-mata, sebaliknya mereka perlu diberi ruang untuk menyumbang dan membina semula kehidupan," ujarnya.



PUSAT Transit Gelandangan kini dikenali sebagai Pusat Transit Harapan, terletak di Jalan C.Y. Choy.

### Kolaborasi pelbagai pihak jadi pemangkin

Dalam pada itu, Siew Khim menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan inisiatif di pusat berkenaan turut didorong oleh kerjasama erat antara pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan serta komuniti setempat.

Jelasnya, pendekatan bersepadu berkaitan memastikan bantuan yang disalurkan lebih tersusun, menyeluruh dan berimpak jangka panjang.

### Komitmen berterusan

Kerajaan Negeri, tegas Siew Khim, sentiasa komited dalam memperkukuh fungsi pusat transit melalui pelbagai bentuk sokongan termasuk sumbangan dan penglibatan dalam program bersama penghuni.

"Langkah ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan golongan gelandangan terus terbela secara mampan," ulasnya lanjut.

### Impak positif kepada penghuni

Sementara itu, bercakap mengenai impak kepada penghuni, Siew Khim memaklumkan bahawa program-program yang telah dilaksanakan termasuk pembangunan diri, latihan kemahiran asas serta sokongan psikososial mula menunjukkan hasil positif apabila semakin ramai penghuni menunjukkan perubahan sikap, minat untuk bekerja serta kesediaan kembali ke pangkuan masyarakat.

"Sehingga kini, Pusat Transit Harapan dilihat sebagai antara inisiatif strategik negeri dalam menangani isu gelandangan secara lebih mampan.

"Dengan pendekatan yang menekankan pemerkasaan, pusat ini bukan sahaja memberi perlindungan, tetapi turut menjadi simbol usaha membina semula harapan dan masa depan yang lebih baik buat golongan terpinggir," jelasnya.

Sebelum ini, Pengarah Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, **ROZITA IBRAHIM** ketika ditemui memberitahu bahawa penubuhan pusat transit tersebut adalah selari dengan komitmen JKM negeri dan Jabatan Tenaga Kerja dalam menyelaras program pemadanan pekerjaan dan pemulihan sosial.

"Memang diakui bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pelannya yang tersendiri, maka agenda-agenda (pemadanan pekerjaan dan pemulihan sosial) perlu dijayakan oleh semua agensi berkaitan.

"Hal ini akan menjadi penanda aras kepada pemegang taruh yang lain untuk turut sama menjayakan matlamat penubuhan pusat transit ini," katanya.

Dahulunya, Pusat Transit Harapan Pulau Pinang dikenali sebagai Pusat Transit Gelandangan yang menyediakan kemudahan penginapan transit, ruangan aktiviti untuk warga emas, ruangan kitar semula, taman poket serta pusat komuniti setempat.

Sejak beroperasi pada Ogos 2023, pusat transit berkenaan telah menyelamatkan kira-kira 500 individu, sama ada mereka yang sedang mencari pekerjaan mahupun memulakan kehidupan baharu yang lebih selesa serta terjamin.



SUASANA di Pusat Transit Harapan yang tenang dikelilingi kehijauan yang mendamaikan jiwa.



PENGHUNI Pusat Transit Harapan menikmati makanan yang disumbangkan oleh individu serta syarikat korporat.

# Kekalkan konsistensi rasa



SELAIN menjual produk sambal secara *retort*, Suzana Putih juga mengusahakan jualan nasi lemak.

**BERMULA** dengan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah, seorang usahawan wanita tempatan kini berjaya mengembangkan produk makanan hasil tangan sendiri selepas melalui cabaran getir ketika tempoh pandemik.

Peluang menyertai satu program pembangunan usahawan tahun lalu iaitu Program Dapur Sentral iTEKAD Daerah Timur Laut telah menjadi titik perubahan penting dalam perjalanan perniagaannya.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan menemu bual **SUZANA PUTIH** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai latar belakang penghasilan produk beliau.

Menurut Suzana, sebelum ini beliau bekerja di sebuah syarikat swasta yang kemudiannya mengambil keputusan untuk menceburi bidang perniagaan makanan secara lebih serius selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada awalnya, saya hanya membantu menjual nasi lemak, namun dari situ timbul idea untuk menghasilkan sambal sendiri bagi memastikan kualiti dan rasa sentiasa konsisten.

"Program yang disertai ini banyak membantu dari segi dokumentasi, alur kerja pengeluaran, penyediaan dapur serta teknik pembungkusan termasuk proses *retort* bagi memastikan produk tahan lama dan selamat dimakan," jelasnya ketika ditemui pada 31 Mac lalu.

Kini, Suzana memfokuskan kepada dua produk utama iaitu sambal nasi lemak dan daging dendeng sedia dimakan.

Sambal tersebut digunakan setiap hari dalam jualan nasi lemaknya, manakala dendeng pula dihasilkan sebagai produk *ready-to-eat* (RTE) yang sesuai untuk disimpan dan memudahkan golongan bekerja.

Suzana mengakui cabaran terbesar adalah untuk mengekalkan konsistensi rasa dan kualiti produk, lebih-lebih lagi apabila pengeluaran dilakukan secara berterusan.

"Apabila kita berniaga makanan, pelanggan akan ingat rasa, jadi kena pastikan setiap kali pelanggan membeli, rasanya sama.

"Dari segi pemasaran, saya menggunakan platform media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* bagi mempromosikan produk, dengan majoriti jualan tertumpu di sekitar Pulau Pinang.

"Alhamdulillah, sambutan memang menggalakkan.

"Sebagai contoh semasa musim perayaan, dendeng boleh terjual sekitar 20 kilogram (kg)," ujarnya sambil menambah produk sambal menjadi paling laris mendapat permintaan kerana digunakan secara harian dalam perniagaan nasi lemak.

Mengulas mengenai perancangan masa hadapan, Suzana menyatakan bahawa beliau mahu memberi tumpuan kepada pengembangan pasaran dan pengukuhan produk sedia ada sebelum meneroka peluang menghasilkan produk baharu.

"Saya berharap dapat memperoleh sijil berkaitan supaya lebih mudah untuk mengembangkan perniagaan ke tahap lebih tinggi.

"Selain itu, saya bercadang untuk perluaskan pengedaran produk sambal nasi lemak dan daging dendeng ke kawasan lain serta meningkatkan promosi melalui media sosial supaya lebih ramai pelanggan dapat merasai produk hasil tangan sendiri.

"Perkara paling penting, jangan takut untuk bermula kerana kadang-kadang peluang itu yang akan memberi kita keyakinan untuk pergi lebih jauh," pesannya menutup bicara.



DAGING dendeng hasil air tangan Suzana Putih kini mula meraih perhatian kerana rasanya yang enak.




SUZANA Putih menunjukkan produk sambal nasi lemak dan daging dendeng yang diusahakannya.

# Resipi tradisi sentuhan cita rasa moden



ROZALITA Mahadzir ketika ditemu bual Buletin Mutiara baru-baru ini.

**BERBEKALKAN** pengalaman hampir dua dekad dalam industri perhotelan serta minat memasak yang diwarisi daripada keluarga, **ROZALITA MAHADZIR** kini giat mengembangkan jenama makanan sendiri dengan resipi tradisi turun-temurun dan sentuhan inovasi moden.

Rozalita berkata, minatnya dalam bidang kulinari bermula sejak kecil apabila sering membantu ibunya yang menjalankan perkhidmatan katering.

"Selepas 18 tahun bekerja dalam bidang perhotelan, saya mengambil keputusan untuk fokus kepada perniagaan sendiri dan mengembangkan resipi yang telah lama diusahakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika sesi wawancara khas bersama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL**, dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** pada 31 Mac lalu.

Beroperasi di sekitar Bayan Baru, Rozalita kini mengetengahkan dua produk utama iaitu 'Sambal Hijau Lola' dan *'Crispy Garlic'*.

Menurutnya, 'Sambal Hijau Lola' mendapat inspirasi ketika beliau bekerja di Indonesia sebelum diolah semula bagi menepati cita rasa rakyat Malaysia dengan tahap kepedasan yang lebih sederhana.

"Produk 'Sambal Hijau Lola' ini mendapat sambutan baik dalam kalangan pelanggan tempatan serta komuniti Malaysia di luar negara kerana keunikan rasanya yang disesuaikan dengan cita rasa tempatan.

"Selain itu, *'Crispy Garlic'* pula dihasilkan daripada resipi tradisi yang sering digunakan dalam hidangan berpantang, namun diinovasikan menjadi produk tahan lama dan mudah digunakan," ujar beliau.

> **"Saya percaya gabungan resipi tradisional dan inovasi moden mampu membawa produk tempatan ke tahap lebih tinggi,"**
>
> **- ROZALITA Mahadzir.**

Difahamkan 'Sambal Hijau Lola' dan *'Crispy Garlic'* bersaiz 100 gram (g) dijual pada harga RM12.

Mengulas mengenai cabaran, Rozalita mengakui bahawa antara cabaran utama adalah untuk mengembangkan produk dan memastikan ketahanan tanpa menjejaskan rasa serta kualiti.

"Terdahulu, produk hanya tahan antara lima hingga 14 hari, tetapi sekarang kami beralih kepada teknologi retort yang membolehkan jangka hayat mencecah sehingga dua tahun.

"Di samping itu, proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengambil masa beberapa tahun bagi mendapatkan formulasi terbaik sebelum produk dipasarkan secara lebih meluas.

"Dari segi pemasaran pula, saya memanfaatkan sepenuhnya platform digital seperti *Instagram* dan *TikTok* untuk perkenalkan produk kepada pelanggan tempatan serta antarabangsa.

"(Dan) alhamdulillah, kami menerima tempahan bukan sahaja dari dalam negara seperti Pahang, Johor dan Perlis, malah dari luar negara termasuk Indonesia," ujarnya lanjut.

Mengulas mengenai perancangan masa depan, Rozalita berhasrat untuk membuka kiosk kecil bagi memasarkan produk sedia dimakan selain perluaskan rangkaian pengedaran.

"Saya juga mahu melibatkan anak-anak dalam perniagaan ini supaya ia dapat diteruskan sebagai legasi keluarga.

"Pada masa sama, saya turut menyediakan sampel kepada pelanggan serta menerima tempahan secara borong, selain turut terlibat dalam program penyediaan dapur berpusat yang membuka peluang berniaga khususnya sepanjang Ramadan.

"Malah sehingga kini, saya masih aktif menerima tempahan katering untuk pelbagai majlis termasuk rumah terbuka, dengan menawarkan hidangan seperti nasi lemak, nasi minyak dan pelbagai lagi juadah mengikut permintaan pelanggan," tambahnya.

Dalam pada itu, Rozalita menegaskan bahawa komitmennya untuk mengekalkan harga produk pada kadar berpatutan agar lebih ramai dapat menikmati hasil air tangannya.

"Saya percaya gabungan resipi tradisional dan inovasi moden mampu membawa produk tempatan ke tahap lebih tinggi," katanya.




**DUA produk yang dihasilkan Rozalita Mahadzir menggunakan resipi tradisi dengan sentuhan cita rasa moden.**

# Galeri Haji khazanah bernilai

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**



**DR. Mohamad Sofee Abdul Razak (kanan sekali) mengiringi Prof. Madya Dr. Mohd. Sukki Othman (tengah) dan delegasi lain melawat ke Galeri Haji Pulau Pinang yang terletak di Lebuh Aceh di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Galeri Haji disifatkan sebagai sebuah khazanah yang unik dan bernilai tinggi, khususnya kepada negeri Pulau Pinang, terutamanya dalam sektor pelancongan Muslim.

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman berkata, berdasarkan sejarah, pengurusan ibadah haji pada suatu ketika dahulu dikendalikan oleh syeikh-syeikh haji secara sistematik.

"Justeru, saya melihat Galeri Haji ini sebagai satu khazanah yang sangat bernilai dan perlu dipromosikan dengan lebih meluas untuk pengetahuan generasi masa kini.

"Mungkin juga kita boleh bekerjasama dengan Pusat Pelancongan Islam *(Islamic Tourism Centre)* bagi menjadikannya sebagai salah satu agenda pelancongan Islam, khususnya dalam menonjolkan khazanah berkaitan ibadah haji yang semakin sukar ditemui," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Galeri Haji di premis bernombor 87, di sini, pada 2 April lalu.

Turut hadir ialah Timbalan Mufti Kerajaan Negeri, Mohamad Zamri Mohamed Shapik serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Dr. Mohamad Sofee Abdul Razak.

Dalam pada itu, Mohd. Sukki turut mengalu-alukan pihak luar untuk menjalankan kajian lebih lanjut dan mendalam berkenaan peranan lokasi tersebut yang pernah dikenali sebagai *'Little Jeddah'* suatu ketika dahulu.

"Banyak lagi tinggalan sejarah menarik yang boleh ditemui ketika kawasan ini menjadi lokasi persinggahan jemaah haji sebelum berangkat ke kota Mekah melalui kapal laut," jelasnya.

Difahamkan, premis bernombor 87 itu dahulunya berfungsi sebagai kaunter penjualan tiket kapal laut bagi jemaah yang ingin berangkat ke Tanah Suci.

Kawasan tersebut mendapat gelaran *'Little Jeddah'* kerana para jemaah akan berkampung di situ selama dua hingga tiga minggu sebelum menunaikan fardu haji, bagi mempelajari pelaksanaan rukun Islam kelima itu.

VENICE

RUMAH MAMPU MILIK
HAK MILIK KEKAL
*di Gelugor, Pulau Pinang*




Rumah Mampu Milik
850 kaki persegi
Jumlah Unit : **1,632**
Harga dari **RM300, 000 ke atas**

PELAN LOKASI




Sebarang pertanyaan, hubungi kami di **04-637 1399**

IDEAL
CREATING LEGACY
超越时尚 • 缔造典范

Pemaju: Ideal Capital Venture Sdn Bhd (201401013277(1089361-K)); Pejabat Jualan: 72-1-19 & 72-1-20, Arena Curve @ The Arena, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang; No. Telefon: 604-637 1399; No. Lesen Pemaju: 20091-2/12-2028/1493(A); Tempoh Sah Lesen: 30/12/2023 – 29/12/2028; No. Permit Iklan: 20091-2/12-2026/0037(R)-(S); Tempoh Sah Permit: 30/12/2025 – 29/12/2026; Pihak Berkuasa Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang; No. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang: MBPP/OSC/PM3983/20(LB); No Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/ILCS-OSC/PB464/21(LB); Pindaan Pelan Bangunan MBPP. OSC-PB696/2024 Pegangan: Kekal; Tarikh Projek Siap: December 2025; Unit: 1632

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
*LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG*
*Tingkat 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-229 0014*




# Beg crochet Rukhsana Banu 'terbang' ke Amerika Syarikat

Oleh : **MOHD. AIZAT SHARIF FISALLUDDIN**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PENGHASILAN** kraftangan *crochet* atau seni mengait bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia menuntut tahap kesabaran dan ketelitian yang tinggi, khususnya dalam menghasilkan produk seperti beg, topi dan pelbagai aksesori lain menggunakan jahitan tangan.

Prinsip tersebut menjadi pegangan seorang suri rumah, **RUKHSANA BANU WAHID**, 56, dalam menghasilkan produk kraftangan *crochet* sehingga ketekunannya kini bukan sahaja menjana pendapatan lumayan, malah produknya turut menembusi pasaran antarabangsa termasuk Amerika Syarikat dan Singapura.

Wartawan Buletin Mutiara berpeluang menemu bual Rukhsana Banu di kediamannya di Jalan Baharu, dekat Perai pada 6 April lalu bagi menelusuri perjalanan serta liku-liku penglibatannya dalam bidang kraftangan sehingga diiktiraf sebagai Usahawan Program Mentor Menti di bawah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada tahun lalu.

## Mulai aktif

Menurut Rukhsana Banu, walaupun telah memiliki asas jahitan sejak kecil, beliau hanya mula aktif dalam penghasilan produk *crochet* kira-kira empat tahun lalu selepas menyertai komuniti 'Laman Wanita' di *Facebook* yang menganjurkan kelas jahitan.

"Saya mula serius menghasilkan produk *crochet* pada tahun 2022 ketika negara berada pada fasa akhir pandemik COVID-19.

"Ketika itu, saya menemui laman 'Laman Wanita' di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang aktif menganjurkan bengkel dan kelas jahitan, termasuk kelas *crochet*.

"Setiap minggu akan ada tenaga pengajar yang datang berkongsi ilmu.

"Sambutan juga sangat menggalakkan apabila kira-kira 30 peserta, kebanyakannya suri rumah, menyertai kelas ini dan dari situlah saya mula memberi fokus sepenuhnya dalam bidang jahitan," katanya.


ANTARA koleksi beg *crochet* yang dijahit dengan penuh ketelitian.

Tambah beliau, kelas 'Laman Wanita' yang dihadirinya di Tasek Gelugor memberi tumpuan kepada seni jahitan *crochet* seperti beg dan topi, manakala satu lagi kelas di Bukit Mertajam lebih menjurus kepada seni kreatif seperti penghasilan pakaian dan sarung bantal.

"Jika ada kelapangan, saya turut menyertai kelas di Bukit Mertajam untuk menambah kemahiran.

"Saya sudah belajar menjahit sejak kecil daripada makcik saya, bermula dengan jahitan mudah seperti alas meja.

"Minat terhadap *crochet* juga sudah lama ada, cuma dahulu saya tidak tahu teknik yang betul.

"Selepas diajar oleh nenek cara menghasilkan beg jerut, saya mula belajar secara berperingkat sehingga akhirnya mampu menghasilkan pelbagai jenis beg berasaskan jahitan tangan," jelasnya.

## Ketelitian tinggi

Anak jati Kuantan, Pahang yang menetap di Pulau Pinang sejak 2019 itu menjelaskan bahawa penghasilan sebuah beg *crochet* memerlukan masa yang panjang serta ketelitian tinggi kerana setiap jahitan dilakukan sepenuhnya menggunakan tangan.

"Ada masanya saya mengambil masa sehingga sebulan untuk menyiapkan sebuah beg, dan ia tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa kerana setiap corak dan struktur jahitan perlu dijaga rapi.

"Selain beg *crochet*, saya juga menghasilkan beg jenis *kiss lock* yang sesuai untuk acara eksklusif serta beg harian yang lebih tahan lasak dengan tali yang kukuh," ujarnya.

Menurut beliau, harga produk yang dihasilkan adalah antara RM150 hingga RM450 bergantung kepada reka bentuk dan tahap kesukaran.

"Saya tidak menyangka produk ini mendapat sambutan sehingga ke luar negara seperti Amerika Syarikat dan Singapura selain pasaran tempatan," ulasnya lanjut.

Ketekunan Rukhsana Banu turut mendapat perhatian PWDC yang kemudiannya mengiktiraf beliau sebagai Usahawan Program Mentor Menti pada tahun lalu.

"Pengiktirafan ini diterima sempena sambutan Hari Wanita di sebuah hotel di Pulau Pinang ketika saya menyertai pameran dan membuka reruai jualan.

"Melalui program ini, saya dibimbing untuk memperkukuh strategi pemasaran dan jualan supaya dapat menjadi contoh kepada usahawan wanita lain.

"Saya amat berterima kasih kepada PWDC kerana memberi peluang serta meningkatkan keyakinan diri saya untuk mengembangkan perniagaan ini," jelasnya.

Rukhsana Banu yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dari Universiti Terbuka Malaysia (OUM) Pulau Pinang mendirikan rumah tangga bersama pakar perubatan kanak-kanak, Dr. Abdul Naser Mohamed Abdul Kader, 66. Pasangan ini dikurniakan dua orang anak berusia 28 dan 24 tahun.


**RUKHSANA Banu Wahid menunjukkan koleksi produk beg *crochet* yang kini mendapat permintaan hingga ke Amerika Syarikat.**



ANTARA spesis rama-rama yang terdapat di sini.

## Ulang Tahun Ke-40

# Entopia perkukuh pelancongan pendidikan




ENTOPIA by Penang Butterfly Farm yang terletak di Teluk Bahang.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DESTINASI** pembelajaran berasaskan alam semula jadi terkemuka di Pulau Pinang, *Entopia by Penang Butterfly Farm* (Entopia) menyasarkan kehadiran 400,000 pengunjung sepanjang tahun 2026, bersempena sambutan ulang tahun ke-40 penubuhannya.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Entopia, **JOSEPH GOH KAH LEONG** berkata, sasaran tersebut hampir dua kali ganda berbanding kira-kira 200,000 pengunjung yang direkodkan tahun 2025.

Menurut beliau, keyakinan itu didorong oleh pelaksanaan pelbagai program dan promosi khas yang dirangka sempena sambutan empat dekad Entopia.

"Jika sasaran ini dicapai, ia akan menjadi rekod terbaik dalam sejarah kami.

"Walaupun Pulau Pinang merupakan pasaran yang lebih kecil berbanding bandar besar lain, kami yakin kekuatan produk pelancongan berasaskan alam semula jadi mampu menarik lebih ramai pengunjung," katanya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara pada 1 April lalu.



JOSEPH Goh Kah Leong.

Dari segi komposisi pelawat, Kah Leong memberitahu kira-kira 50 peratus merupakan pelancong antarabangsa, manakala sekitar 35 peratus pelawat tempatan yang berasal dari Pulau Pinang.

"Kira-kira 300 hingga 500 sekolah mengunjungi Entopia setiap tahun, namun jumlah tersebut masih kurang daripada 10 peratus keseluruhan pelawat.

"Berbanding institusi serupa di luar negara seperti di Amerika Syarikat, sekitar 60 peratus hingga 70 peratus pelawat terdiri daripada kumpulan sekolah.

"Fungsi pendidikan sangat menonjol di sana dan Entopia masih mempunyai ruang untuk berkembang serta boleh dipertingkat usaha dalam aspek ini.

"Saya yakin ia boleh dicapai," katanya.



SUASANA yang nyaman dan menenangkan sesiapa sahaja yang mengunjungi Entopia. (Ihsan: *Entopia by Penang Butterfly Farm*).

### *Discovery Pass* jadi tarikan utama

Menurut Kah Leong, antara inisiatif utama yang diperkenalkan adalah *Entopia Discovery Pass*, iaitu pas tahunan yang ditambah baik bagi menggalakkan kunjungan berulang serta pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam.

"Sempena ulang tahun ke-40, penduduk Pulau Pinang boleh mendapatkan pas tersebut pada harga promosi RM40 (harga asal RM200) untuk tempoh 40 hari bermula 29 Mac hingga 7 Mei.

"Ia membolehkan orang ramai berkunjung ke Entopia berkali-kali sepanjang tahun dan tidak terhad kepada satu tarikh sahaja sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pembelajaran ekologi semula jadi.

"Pemegang pas turut layak menyertai *Entopia Discovery Challenge*, yang bakal memuncak pada 5 Disember dengan hadiah keseluruhan bernilai sehingga RM100,000 termasuk ganjaran tunai RM20,000," ujarnya.

Beliau berkongsi bahawa Entopia pernah memperkenal pas tahunan pada tahun 2016, namun bagi memastikan pengunjung kembali, pihaknya memerlukan 'kandungan' pameran baharu.

"Justeru, konsep penerokaan diperkukuh dengan penganjuran pelbagai aktiviti, bengkel dan bermula pada Mac tahun ini, Entopia memperkenal kalendar penerokaan tahunan dengan tema berbeza setiap bulan.



SALAH satu sudut menarik di Entopia.

"Ada aktiviti ini yang berbayar dan ada yang percuma dengan tempat yang terhad serta memerlukan pendaftaran awal.

"Konsep 'koleksi cop' juga diperkenal selari dengan trend anak muda yang gemar mengumpul cop perjalanan selain menyediakan ganjaran bagi meningkatkan penglibatan serta kadar kunjungan semula ke Entopia.

"Maka, mulai April 2026, orang ramai disarankan untuk mengikuti laman sesawang rasmi Entopia bagi mendapatkan maklumat terkini, termasuk siri aktiviti bulanan semasa," jelasnya.

### Festival serangga, program bulanan tarik minat keluarga

Dalam pada itu, Kah Leong memaklumkan bahawa Entopia bakal menganjurkan *Bug Festival* dari 4 hingga 8 Julai ini, menampilkan pameran interaktif dan aktiviti mesra keluarga yang mengetengahkan dunia serangga.

"Pelbagai aktiviti baharu lain turut diadakan setiap bulan termasuk bengkel seperti pembuatan terrarium dan pembiakan kumbang, sekali gus menjadikan pengalaman di Entopia lebih segar dan interaktif.

"Kami mahu pengunjung datang bukan sekadar sekali, tetapi berulang kali dan sebab itu kami perkenalkan aktiviti berkala serta bengkel eksklusif dengan penyertaan terhad," jelasnya.

### Perkukuh peranan sebagai hab pendidikan

Mengukuhkan lagi peranannya sebagai pusat pendidikan, Kah Leong memberitahu bahawa Entopia akan terus perluaskan Program Pembelajaran Alam Semula Jadi untuk sekolah dan pendidik.

Difahamkan, antara inisiatif yang dimaksudkan adalah:

- *'Entrance on Us'* – kemasukan percuma untuk guru pengiring.
- Pakej *twinning* 40 peratus – galakkan lawatan bersama antara sekolah
- Kadar khas RM40 untuk pelajar sekolah menengah sepanjang tahun.

Beliau menambah, Entopia kini dilihat sebagai 'kelas kedua' oleh kebanyakan institusi pendidikan, khususnya institusi antarabangsa yang mengintegrasikan lawatan ke dalam kalendar akademik mereka.

### Optimis capai sasaran

Kah Leong berkata, pihaknya optimis mampu mencapai sasaran 400,000 pengunjung sekali gus mencipta rekod baharu dengan kalendar program sepanjang tahun 2026 serta pendekatan lebih inklusif dan penawaran pengalaman interaktif.

Dalam masa sama, jelasnya, usaha turut dipergiat untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan yang masih belum berkunjung ke destinasi tersebut.

"Malah, sempena sambutan ulang tahun ke-40 ini, pasukan Entopia sedang giat mempersiap usaha bagi memperoleh dua pensijilan ISO bagi meningkatkan standard operasi sekali gus membuka laluan ke peringkat lebih tinggi.

"Setakat ini, kemajuan telah mencapai sekitar 70 hingga 80 peratus dan dijangka siap menjelang Jun tahun ini.

"Kami juga berharap orang ramai tidak lagi terikat dengan identiti lama sebagai Taman Rama-Rama, sebaliknya melihat Entopia sebagai platform pembelajaran yang lebih menyeluruh," ulasnya lanjut.

### Sokong pelancongan negeri

Sementara itu, Exco Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, WONG HON WAI menyifatkan bahawa inisiatif Entopia sebagai langkah strategik dalam memperkukuh ekosistem pelancongan negeri.

"Tarikan seperti Entopia membantu mempelbagaikan produk pelancongan Pulau Pinang, bukan sahaja tertumpu kepada warisan dan makanan, tetapi juga pengalaman berasaskan pembelajaran.

"Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026, langkah menawarkan kadar setara MyKad kepada pelancong antarabangsa turut meningkatkan daya tarikan negeri ini," katanya ketika ditemui di Komtar baru-baru ini.

Untuk maklumat lanjut, layari *www.entopia.com* atau *Facebook* dan *Instagram*, *myentopia*.



ENTOPIA tampil menyajikan pengalaman pameran interaktif yang memikat, sesuai dinikmati oleh seisi keluarga. (Ihsan: *Entopia by Penang Butterfly Farm*).

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik<br>gohchoonaik@penang.gov.my | (T) 04 - 650 5386<br>(F) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 262 0862<br>(F) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
